

**DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR YANG KE DUABELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN)**

---

**Shah Alam, Rabu, 21 Mei 2008**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ir. Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)  
Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)  
Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)  
Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)  
Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)  
Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)  
Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)  
Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)  
Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)  
Y.B. Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)  
Y.B. Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)  
Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)  
Y.B. Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)  
Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)  
Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)  
Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)  
Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)  
Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)  
Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)  
Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)  
Y.B. Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)  
Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)  
Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

Y.B. Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom,  
PJK. (Morib)

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

Y.B. Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

**TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Negeri Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Shukri bin Mohamad Hamin  
**Setiausaha**

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh  
**Penolong Setiausaha**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Faizah bt. Mohd. Shafawi  
**Penolong Pegawai Tadbir**

## **BENTARA**

Encik Md. Saref bin Salleh

## **PELAPOR PERBAHASAN**

Puan Hajah Noridah binti Abdullah

## **(Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat Kali Pertama Penggal Keempat Persidangan Dewan Undangan Negeri Kesebelas dimulakan dengan bacaan Doa.

### **I. DOA**

### **II. PROKLAMASI**

**SETIAUSAHA DEWAN :** PROKLAMASI OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA.

BAHAWASANYA mengikut Fasal (1) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam *Warta* memanggil Dewan Negeri :

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN DAN DAERAH TAKLUKNYA, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan dua puluh satu hari bulan Mei dua ribu lapan, dan pukul sepuluh pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Kedua Belas yang akan diadakan di Dewan Undangan Negeri Selangor Darul Ehsan, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 6 hari bulan Mei 2008.

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor,

**TUAN SPEAKER :** Ahli - ahli Yang Berhormat sekalian, Dif-Dif Kehormat dan para jemputan, dengan ini dimaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berkenan untuk menyampaikan Titah Ucapan. Oleh itu saya menempohkan Dewan buat seketika.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Keberangkatan Masuk Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor diiringi oleh Tuan Speaker.

Dengan segala hormatnya dijemput Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor untuk menyembahkan teks Titah Ucapan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

### **III. TITAH UCAPAN DYMM SULTAN SELANGOR**

**TUAN SPEAKER :** Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan Selamat Sejahtera

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurniaNya dapat Beta sekali lagi bertitah di Majlis Perasmian Mesyuarat Kedua Pembukaan Persidangan Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Selangor Ke 12 pada pagi yang mulia ini.

Beta mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada semua Wakil-wakil Rakyat yang telah memenangi Pilihan raya ke 12 yang lalu. Beta juga mengucapkan selamat menjalankan amanah dan kepercayaan rakyat Beta kepada semua barisan pentadbiran baru yang dilantik dalam kepimpinan negeri yang diketuai oleh Memanda Beta Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim.

Beta memandang tahun 2008 merupakan tahun yang paling mencabar dalam mengekalkan status negeri maju sejak diisytiharkan pada tahun 2005. Beta amat memandang serius terhadap permasalahan rakyat terutamanya dalam mengekalkan keamanan dan kemakmuran. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Beta perlu memastikan prestasi ekonomi yang terus stabil, meningkatkan kualiti hidup rakyat Beta, memberi perubahan kepada pembangunan, modal insan dan pendidikan yang cemerlang serta kesihatan yang baik untuk rakyat Beta. Beta sedia maklum dengan keadaan ekonomi global yang semakin mencabar dan tidak menentu terutama prestasi ekonomi Amerika Syarikat, negara-negara Eropah dan Timur Tengah. Hal ini disebabkan berlakunya kenaikan harga minyak dunia yang mencatat paras tertinggi melebihi U.S. Dolar Seratus Dua Puluh (USD120) se tong atau Ringgit Malaysia Tiga Ratus Lapan Puluh (RM380) di samping krisis bekalan makanan dunia yang semakin meruncing. Beta amat khawatir dengan keadaan ini yang boleh memberi impak kenaikan harga barang keperluan asas seperti beras, minyak masak, tepung, gula dan lain-lain lagi, seterusnya membebankan rakyat Beta khususnya golongan berpendapatan rendah.

Walau bagaimanapun ekonomi negeri Selangor pada 2007 memperlihatkan satu pertumbuhan menyeluruh yang kental dan konsisten, selari dengan pertumbuhan ekonomi negara. Justeru, Kerajaan Beta menganggarkan pertumbuhan ekonomi tahun 2008 berkembang pada kadar enam perpuhuan tujuh peratus (6.7%) berbanding enam perpuhuan tiga peratus (6.3%) pada 2007. Namun demikian angka ini akan dipantau dan disemak dari semasa ke semasa bagi memastikan prestasi ekonomi negeri berada pada landasan yang betul. Sukacita Beta menasihatkan kepada rakyat Beta supaya berjimat cermat dan berbelanja secara berhemah di samping elakkanlah pembaziran supaya rakyat Beta hidup aman dan sejahtera.

Pertumbuhan yang memberangsangkan ini juga telah meningkatkan nilai ditambah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri pada harga malar tahun 2000 yang dianggarkan meningkat kepada Ringgit Malaysia Seratus Dua Belas perpuhuan Enam (RM112.6) bilion pada tahun 2008 berbanding hanya Ringgit Malaysia Seratus Lima perpuhuan Enam (RM105.6) bilion pada 2007. Pendapatan per kapita rakyat Beta bagi tahun 2008 diramalkan meningkat dari Ringgit Malaysia Dua Puluh Satu Ribu, Dua Ratus Lapan Puluh Tujuh (RM21,287) ke Ringgit Malaysia Dua Puluh Dua Ribu Dua Ratus Sebelas (RM22,211) berbanding pada tahun 2007.

KDNK per kapita pariti kuasa beli (PPP) juga telah meningkat kepada U.S. Dolar Tujuh Belas Ribu Seratus Lima Puluh Tiga (USD17,153) pada tahun 2008 berbanding U.S. Dolar Lima Belas Ribu Lapan Ratus Satu (USD15,801) pada tahun 2007. Beta berharap prestasi yang memberangsangkan ini akan dapat dipertingkatkan dan diterjemahkan kepada pembangunan menyeluruh kepada rakyat Beta.

Beta sedia maklum bahawa sektor perindustrian merupakan penyumbang utama ekonomi negeri Selangor dan merupakan nadi pertumbuhan ekonomi negara. Beta amat berharap sektor ini akan terus dipacu bagi meningkatkan lagi prestasinya. Beta menjangkakan sumbangan sektor ini akan menyumbang lebih lima puluh lapan peratus (58%) kepada KDNK negeri bagi tahun 2008. Nilai sektor perkilangan ini dijangka meningkat kepada Ringgit Malaysia Tiga Puluh Lapan perpuhuan Tiga (RM38.3) bilion pada tahun 2008 berbanding Ringgit Malaysia Tiga Puluh Lima perpuhuan Lapan (RM35.8) bilion pada tahun lepas.

Beta mahu memastikan bahawa negeri Beta tetap menjadi tumpuan utama pelabur-pelabur dari dalam dan luar negeri sebagai destinasi pelaburan yang menguntungkan. Ini terbukti apabila jumlah pelaburan dalam dan luar negeri yang mengalir ke Selangor kekal melebihi Ringgit Malaysia Lapan Bilion setahun. Pada tahun 2007, nilai pelaburan yang berjaya diperoleh oleh Selangor adalah sebanyak Ringgit Malaysia Sebelas Perpuhuan Satu Lapan (RM11.18) bilion. Ini merupakan jumlah pelaburan tertinggi yang pernah diterima semenjak tahun 1987. Daripada jumlah tersebut sebanyak Ringgit Malaysia Empat perpuhuan Satu Sembilan (RM4.19) bilion, tiga puluh tujuh perpuhuan lima peratus (37.5%) merupakan pelaburan asing dan daripada Ringgit Malaysia Enam perpuhuan Sembilan Sembilan (RM6.99) bilion, enam puluh dua perpuhuan lima peratus (62.5%) merupakan pelaburan tempatan.



Beta mahu usaha lebih agresif dijalankan bagi mencari pelabur-pelabur luar dan dalam negeri untuk melabur ke Negeri Selangor. Peraturan-peraturan yang sedia mesti dipermudahkan untuk menyenangkan para pelabur. Beta tidak mahu kita hanya menunggu pelaburan datang bergolek tanpa berusaha apa-apa. Program-program dan promosi untuk menggalakkan lagi pelaburan akan diteruskan dan diperbanyakkan dengan keutamaan di dalam kumpulan-kumpulan kecil di mana ianya lebih fokus dan efektif. Fokus utama adalah untuk menarik supaya pelabur sedia ada dapat menambahkan pelaburan mereka di samping cuba menarik pelaburan baru yang berpotensi.

Beta mahu negeri Selangor kekal sebagai negeri perindustrian yang terus menyokong kestabilan ekonomi negara di samping menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih dua puluh ribu (20,000) orang setiap tahun. Beta berharap kerajaan Beta dapat menyediakan kawasan pelaburan yang kondusif dan strategik bagi menarik pelaburan ke Selangor terutama di kawasan Wilayah Lembah Klang 2 (WLK 2).

Beta turut berkeyakinan sektor perkhidmatan mempunyai potensi besar dalam menyumbang kepada kemajuan ekonomi negeri. Sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK negeri sebanyak tiga puluh lapan peratus (38%) telah membuktikan sektor ini akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi sebuah negeri maju. Negeri Selangor dijangka mencatatkan peningkatan nilai ditambah sektor perkhidmatan kepada Ringgit Malaysia Tiga Puluh Satu perpuluhan Satu (RM31.1) bilion pada tahun 2008 berbanding Ringgit Malaysia Dua Puluh Sembilan perpuluhan Tujuh (RM29.7) bilion pada 2007.

Usaha gigih dan berterusan bagi mewujudkan Sektor Perkhidmatan yang lebih berdaya saing perlu dilihat dengan lebih teliti seperti kegiatan sub sektor pelancongan, teknologi komunikasi, logistik, pendidikan dan kesihatan. Sebagai sebuah negeri maju yang mempunyai infrastruktur canggih, Beta pasti sektor ini dapat dimajukan.

Strategi yang tepat perlu dilakukan bagi menarik pelancong ke negeri Selangor dengan memfokuskan kepada pelancongan 'eko' (Eco-Tourism), pelancongan kesihatan (*health tourism*), pelancongan pendidikan (*education tourism*) dan membeli belah (*shopping*). Beta dimaklumkan pada tahun 2007 seramai lima juta pelancong telah melawat negeri Selangor. Antara produk-produk pelancongan yang menarik di negeri Beta termasuk **Program Homestay** di mana kebudayaan rakyat di kawasan perkampungan Selangor menjadi tumpuan pelancong-pelancong asing, dan juga khazanah alam sekitar di negeri Beta yang tiada saingan. Beta berharap kegiatan seperti memelihara bangunan dan kawasan bersejarah, dan juga kawasan hutan dan Taman Warisan boleh diutamakan, agar lebih pelancong tempatan dan asing dapat menziarahinya.

Beta harap sektor pertanian akan terus diperkasakan dengan konsep Pertanian Moden (Modern Agriculture) walaupun sektor ini hanya menyumbang pertumbuhan sebanyak empat perpuluhan dua peratus (4.2%) pada tahun 2007 dan merupakan penyumbang terkecil KDNK negeri. Namun Beta percaya fungsi dan peranan sektor pertanian di Selangor amat penting sebagai sumber makanan dan sumber bahan mentah kepada perusahaan asas tani serta sumber pendapatan golongan petani khususnya di kawasan luar bandar. Nilai tambah sektor ini dijangka meningkat kepada Ringgit Malaysia Satu

perpuluhan Lima (RM1.5) bilion berbanding hanya Ringgit Malaysia Satu perpuluhan Empat (RM1.4) bilion pada 2007. Matlamat menjadikan pertanian sebagai satu perniagaan perlulah diteruskan dan berteraskan *knowledge base* yang boleh mendatangkan keuntungan berlipat kali ganda kepada petani.

Beta berharap kerajaan Beta mencari alternatif untuk meningkatkan taraf hidup golongan petani kepada kehidupan yang lebih selesa. Pertanian masa kini perlu memfokuskan pertanian berteknologi moden, berskala besar dan berorientasikan eksport bagi meningkatkan kualiti dan produk pertanian bermutu tinggi. Kerajaan Beta akan membantu golongan petani, penternak dan nelayan miskin berpendapatan di bawah Ringgit Malaysia Seribu Lima Ratus (RM1,500) sebulan. Manakala golongan petani, penternak dan nelayan yang telah memulakan usaha pertanian akan dibantu untuk meningkatkan produktiviti agar memperoleh pendapatan melebihi Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) sebulan.

Sebagai usaha untuk membantu rakyat Beta dalam bidang perniagaan, Kerajaan Negeri telah melaksanakan berbagai-bagai program antaranya membina premis dan zon-zon Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) di seluruh daerah, mewujudkan program vendor khususnya dalam industri perumahan, mewujudkan program inkubator dan menyediakan kursus dan latihan keusahawanan di seluruh negeri Selangor. Kerajaan Negeri juga akan memberikan keutamaan kepada menyediakan premis perniagaan yang cukup, bimbingan perniagaan serta galakan berniaga kepada golongan belia dan wanita muda. Beta difahamkan pelbagai dana dan bantuan kewangan seperti Dana Industri Kecil, Skim Pinjaman Perusahaan Kecil Dan Sederhana (SPPKS) – Makanan dan Bukan Makanan serta Skim Pinjaman Industri Kecil telah disediakan bagi memberi peluang kepada usahawan mengembangkan perniagaannya.

Beta amat berbangga apabila mengetahui kedudukan kewangan kerajaan Beta amat stabil dan kukuh. Hasil kewangan yang kukuh berpunca dari usaha Kerajaan Beta yang terus menerus berjimat dan mengawal perbelanjaan. Beta ingin menasihatkan kepada Kerajaan Beta agar semua projek-projek perancangan pembangunan perlu dikaji dengan teliti sebelum dilaksanakan. Beta mahu projek pembangunan yang dilaksanakan memberi manfaat dan kesenangan kepada rakyat Beta dan bukannya memberi keuntungan sesetengah pihak sahaja. Beta amat maklum sumber kewangan negeri Selangor semakin berkurangan dan sudah tiba masanya Beta menyeru supaya mencari alternatif hasil baru dalam memperkukuhkan kewangan negeri untuk tahun-tahun akan datang.

Bajet 2008 Kerajaan Beta merupakan bajet tahun ketiga dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-9. Bajet 2008 telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada 19 November 2007 dengan menekankan matlamat Wawasan Selangor Negeri Idaman dan Sejahtera. Pengurusan perbelanjaan negeri Selangor akan terus diarahkan kepada dasar **Bajet Berimbang** di mana perbelanjaan yang dibuat tidak melebihi hasil pendapatan negeri.

Negeri Selangor telah dianugerahkan dengan kemakmuran yang melimpah, kedudukan geografi yang strategik serta kemampuan pembangunan yang membanggakan. Justeru, limpahan nikmat yang dikurniakan ini perlulah diagihkan secara adil dan saksama supaya kualiti hidup rakyat Selangor dapat dipertingkatkan. Langkah ini bertepatan dengan pendekatan ke arah merakyatkan ekonomi Selangor.

Sehubungan itu, fokus perbelanjaan adalah tertumpu kepada kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat, memperkasa Sistem Penyampaian dan Tadbir Urus yang baik (*Good Governance*) di samping mengekalkan langkah meningkatkan hasil dan memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi negeri. Kerajaan Negeri Selangor juga sedang mengkaji usaha melebarkan kerjasama dengan Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Perniagaan (PEMUDAH) di peringkat kebangsaan dan Akauntabiliti di peringkat antarabangsa bagi tujuan meningkatkan ketelusan dan keberkesanan kerajaan.

Strategi Bajet 2008 Selangor berasaskan pendekatan baru yang menekankan kebajikan rakyat dan meringankan beban kehidupan rakyat merangkumi usaha mempertingkatkan hasil pendapatan, memperkasakan perkhidmatan awam, memperkukuhkan ekonomi makro, pembangunan ICT, meningkatkan kualiti hidup dan menggalakkan pembangunan usahawan.

Pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan merupakan faktor utama bagi menjamin pendapatan maksima diperoleh oleh Kerajaan Negeri Selangor yang seterusnya akan dapat digunakan untuk kesejahteraan rakyat. Pada tahun ini beberapa strategi telah dirancang bagi meningkatkan pendapatan sehingga di tahap optimum. Di antara strategi tersebut adalah seperti berikut :

- a. Pendapatan melalui dividen yang diperoleh daripada anak syarikat Kerajaan Negeri dan Perbadanan;
- b. Meningkatkan pelaburan dengan sumber kewangan sedia ada melalui kaedah-kaedah yang dikenal pasti tanpa memberi impak negatif kepada kedudukan kewangan negeri;
- c. Menjadikan Perbendaharaan Negeri Selangor sebagai *profit centre* yang akan bekerjasama dengan bank-bank tempatan bagi mendapat faedah pelaburan yang optimum;
- d. Menjadikan institusi perbankan sebagai Rakan Kongsi Pintar (*Smart Partnership*) dalam menentukan garis panduan bagi membantu meningkatkan prestasi kedudukan kewangan Kerajaan Negeri dengan risiko pelaburan yang minimum; dan
- e. Menjana perubahan paradigma yang bukan sahaja untuk meningkatkan daya pemikiran dalam pertambahan produktiviti tetapi juga kepada menjana pemikiran ke arah kerajaan yang berorientasikan keuntungan untuk semua.

Usaha meningkatkan hasil tidak akan memberi makna sekiranya pembaziran dan perbelanjaan yang tidak berhemah sering berlaku. Oleh itu sebagai langkah untuk mengamalkan perbelanjaan berhemah, Kerajaan Negeri telah melaksanakan budaya perbelanjaan berhemah dengan memastikan semua perbelanjaan dibuat secara lebih efisien dan berkesan bagi mengelakkan berlakunya pembaziran sumber. Beberapa surat Pekeliling telah dikeluarkan sebagai garis panduan perbelanjaan berhemah yang efektif di mana program-program jabatan dilaksanakan berdasarkan ketepatan kos (*right*

*costing*). Beta memandang serius perbelanjaan peruntukan ADUN tahun 2008 yang habis dibelanjakan pada dua bulan pertama tahun ini.

Beta yakin pendidikan yang sempurna mampu mengubah kehidupan sesebuah keluarga seterusnya menyediakan modal insan yang sempurna dalam mempertahankan negeri maju. Kerajaan Beta telah dilengkapi dengan infrastruktur kemudahan pembelajaran yang baik di enam ratus tiga puluh satu (631) buah sekolah rendah dan dua ratus tiga puluh dua (232) buah sekolah menengah. Beta amat bangga dengan pencapaian peperiksaan U.P.S.R., P.M.R., S.P.M., S.T.A.M. dan S.T.P.M. pada tahun 2007 yang lalu kerana telah menunjukkan prestasi yang cemerlang.

Menerusi peperiksaan peratusan pelajar yang berjaya telah meningkat iaitu pada peperiksaan U.P.S.R. tujuh puluh lapan persepuluh dua peratus (78.2%), P.M.R. tujuh puluh persepuluh tiga peratus (70.3%) dan S.P.M. lapan puluh sembilan persepuluh lapan peratus (89.8%). Di kesempatan ini, Beta ingin mengucapkan tahniah kepada para pelajar, ibu bapa serta guru-guru yang bertungkus-lumus di atas kejayaan pelajar-pelajar di dalam peperiksaan.

Di samping itu, Beta berharap Kerajaan akan terus menekankan konsep pendidikan yang menyeluruh, dan tidak hanya berpandukan peperiksaan semata-mata bagi melahirkan insan yang cemerlang dalam segenap aspek.

Selain daripada peluang untuk meneruskan pelajaran ke menara gading, Kerajaan Beta akan memberi bantuan kursus bagi menambah baik kemahiran teknikal seperti kursus mekanik kenderaan motor, kursus juruteknik elektrik, kursus pelukis pelan dan sebagainya kepada pelajar-pelajar lepasan S.P.M. dan S.T.P.M. Pelajar-pelajar akan diberi peluang melanjutkan pelajaran di Kolej Antarabangsa INPENS untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran teknikal selama sama ada tiga (3) bulan, enam (6) bulan atau satu (1) tahun dan kos pembelajaran ditaja sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.

Beta juga amat menekankan pendidikan agama di peringkat awal lagi bagi meningkatkan ilmu Fardhu-Ain dan kefahaman Islam yang mendalam kepada anak-anak umat Islam di Selangor. Sehingga kini negeri Selangor mempunyai sejumlah dua belas (12) buah Pra Sekolah, seratus sembilan puluh tujuh (197) buah Sekolah Rendah Agama, sepuluh (10) buah Sekolah Rendah Agama Integrasi dan dua ratus tujuh puluh lima (275) buah Sekolah KAFA. Manakala sebanyak dua puluh tiga (23) buah Sekolah Agama Menengah telah diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan bagi penyeragaman ko-kurikulum dari segi mata pelajaran dan pentadbiran.

Alhamdulillah, Beta bersyukur kerana masalah kemiskinan rakyat Beta telah menurun dari tahun ke tahun dan Beta diberi maklum kemiskinan relatif hanya satu persepuluh kosong peratus (1.0%) dan kemiskinan tegar kosong persepuluh kosong lima peratus (0.05%). Beta berharap kerajaan Beta dapat menghapuskan kemiskinan tegar pada tahun 2008. Namun, Beta sering mengingatkan kepada pentadbiran Beta supaya memberi perhatian khusus kepada rakyat jelata kerana insiden kemiskinan adalah relatif dan boleh berubah mengikut keadaan. Justeru, Kerajaan Beta perlulah meneruskan usaha memberi bantuan kepada golongan miskin, tidak mengira kaum dan khasnya golongan yang terpinggir termasuk Orang Asli di negeri Beta, dengan menumpukan program perumahan, pendidikan dan pekerjaan serta melaksanakan program Kerajaan Prihatin.

Beta amat bimbang masalah kemiskinan bandar yang semakin meruncing kerana sembilan puluh peratus (90%) di negeri Selangor adalah kawasan bandar. Masalah ini perlu diberi tumpuan khusus kerana Beta bimbang dengan peningkatan taraf hidup yang semakin tinggi di bandar-bandar menyebabkan kemiskinan menular di kalangan penduduk bandar. Peranan Pihak Berkuasa Tempatan amat penting sebagai perantara kerajaan Beta dan rakyat dalam melaksanakan pelbagai program yang dirangka seperti bantuan sewaan rumah, bantuan kemasukan anak ke sekolah dan universiti, rawatan dialisis, bantuan modal perniagaan dan sebagainya.

Beta bersyukur kerana hampir seratus peratus (100%) penduduk negeri Selangor dapat menikmati bekalan air bersih yang mencukupi. Sumber ini merupakan anugerah tuhan yang begitu berharga dan perlu dipelihara bagi mengelakkan berlakunya ancaman terhadap kekurangan bekalan air pada masa akan datang. Pemeliharaan sumber air bermula daripada kesedaran rakyat dalam menjaga kebersihan dan mengelakkan sebarang pencemaran air. Tanggungjawab ini tidak harus dipikul oleh pihak Kerajaan Beta semata-mata tetapi perlu dikongsi bersama oleh rakyat Beta agar bersama-sama menjaga sumber air mentah ini. Kerajaan Beta juga sedang mengkaji kemungkinan membangunkan sumber air dalam tanah bagi mempelbagaikan sumber bekalan air negeri Selangor.

Justeru, Beta menyeru kepada seluruh rakyat supaya mengamalkan budaya penjimatan penggunaan air dengan adanya dasar bekalan air dua puluh meter padu (20m<sup>3</sup>) percuma kepada pengguna kediaman bermeter individu bermula pada 1 Jun ini. Beta yakin walaupun rakyat mendapat bekalan air percuma ini, mereka tidak sepatutnya membazir kerana mereka perlu membayar pada kadar yang lebih tinggi dari paras harga dua puluh meter padu pertama yang telah ditetapkan oleh SYABAS dahulu. Buat masa sekarang pengguna meter individu yang menggunakan air melebihi dua puluh meter padu akan dikenakan RM1.03 manakala penggunaan melebihi tiga puluh lima meter padu dikenakan RM2.00 berbanding lima puluh tujuh sen untuk dua puluh meter padu yang pertama. Sebagai negeri yang mementingkan kebajikan rakyat, bekalan air bersih percuma ini adalah antara usaha kebajikan yang diperkenalkan oleh pentadbiran negeri ini.

Selain kemudahan air, harapan Beta juga ingin memastikan kemudahan elektrik dapat disalurkan dengan sempurna di seluruh pelosok negeri dan dinikmati oleh semua rakyat termasuk di pulau-pulau dan kawasan terpencil seperti Pulau Ketam dan Pulau Indah. Kemudahan elektrik yang baik akan dapat meningkatkan kegiatan ekonomi di kawasan tersebut dan seterusnya meningkatkan pendapatan penduduk setempat. Pelbagai aktiviti ekonomi dapat dipertingkatkan seperti pembesaran operasi kilang berasaskan perikanan, pelancongan dan perniagaan.

Adalah menjadi harapan Beta alam sekitar negeri Beta ini akan terus terpelihara dari segala bentuk pencemaran udara, tanah, air dan bunyi. Penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling perlu dipertingkatkan khususnya kepada kilang-kilang, pembangunan perumahan dan infrastruktur baru yang sentiasa menjadi punca pencemaran alam sekitar.

Kerajaan Beta akan terus prihatin dan sensitif dan sentiasa memastikan pembangunan negeri dilaksanakan secara mapan, di mana pemeliharaan Kawasan Sensitif Alam Sekitar yang meliputi kawasan bukit, sungai, hutan dan lautan harus diutamakan. Kerajaan Beta tidak lagi membenarkan pembangunan tanah tinggi pada tahap 3 dan 4, pengorekan pasir dan penerokaan kawasan hutan yang tidak terkawal serta pembakaran terbuka. Beta menyeru supaya semua pihak bersama-sama mengambil tanggungjawab menjaga alam sekitar agar kita boleh hidup sihat dan selesa bagi menjamin kualiti hidup rakyat yang baik, Beta berharap negeri Beta dijadikan sebagai contoh kepada seluruh Negara dan juga di dunia, sebagai negeri yang prihatin kepada ekologi, di mana Kerajaan Beta boleh mengatasi masalah pemanasan bumi (*Global Warming*) dengan tindakan yang sewajarnya.

Selain itu, Beta berhadap pengurusan dan pembangunan sumber hutan diperkasakan. Beta mahu kawasan hijau di negeri Beta mestilah melebihi tiga puluh peratus (30%). Pengurusan sungai dan persekitaran lautan juga harus diutamakan. Ini kerana, Beta mahu negeri Selangor mempunyai iklim dan rupa bumi yang sempurna, udara yang segar, kesuburan tanah yang terpelihara, bekalan air bersih yang mencukupi serta mengurangkan masalah banjir dan hakisan sungai. Kerajaan Beta akan berusaha menambah keluasan Hutan Simpan Kekal yang sehingga kini Beta dimaklumkan berkeluasan lebih dua ratus empat puluh satu ribu (241,000) hektar. Kerajaan Beta akan mengurangkan pewartaan keluar Hutan Simpan Kekal bagi tujuan pembangunan hartanah bagi memastikan khazanah hutan tetap terpelihara ke generasi mendatang.

Kerajaan Beta sentiasa memandang ke hadapan untuk membangunkan masyarakat yang berbudayakan ilmu, sains dan teknologi serta berpendekatan inovatif dan kreatif dan berteraskan pengetahuan tinggi untuk membina dan memperkukuhkan daya saing. Negeri Selangor telah mengenal pasti tema “Aplikasi Sains, Teknologi dan Inovasi Untuk Pembangunan Mampan” sebagai teras strategi dalam menggubal program dan inisiatif strategik yang melibatkan sains dan teknologi. Antara bidang yang dapat tumpuan utama termasuklah reka bentuk hijau (*Green Architecture*), sumber tenaga bersih, pemantauan alam sekitar, teknologi makanan, penggunaan ICT secara meluas dan lebih murah, penggunaan ICT untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat jelata dan penggunaan ICT untuk memastikan pentadbiran kerajaan negeri dan penguasa tempatan yang lebih cekap, amanah dan telus.

Beta menyedari kepentingan penglibatan golongan belia yang merangkumi empat puluh empat peratus (44%) penduduk negeri Selangor. Dengan kepesatan pembangunan yang mencabar, Kerajaan Beta perlu menyediakan program khusus sehingga ke peringkat kepimpinan akar umbi dengan memberi peluang untuk menyuarakan pendapat dan terlibat secara aktif dalam usaha membentuk masa depan mereka yang lebih terjamin. Platform bagi golongan belia perlu disediakan untuk menggembelng potensi dan menggilap idealisme agar golongan ini dapat memainkan peranan di dalam arus pembangunan pasca negeri maju.

Beta dimaklumkan bahawa pentadbiran baru sudah merangka program bagi belia menganggur. Masalah pengangguran di negeri Selangor hanya tiga persepuluh empat peratus (3.4%) sahaja dan merupakan peratus yang terkecil berbanding negeri-negeri lain. Namun demikian, masalah ini harus ditangani kerana Beta percaya Kerajaan Beta seharusnya dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada seluruh rakyat. Golongan belia yang tercicir dalam pembelajaran akibat masalah kemiskinan juga perlu diberi

perhatian. Latihan kemahiran dan teknikal mengikut bidang yang diminati perlu disediakan melalui kursus jangka pendek dan panjang bagi memberi peluang kepada belia untuk bersaing mencari peluang pekerjaan.

Selain itu, Beta amat percaya salah satu daripada prinsip ketamadunan sesuatu bangsa dan negara ialah wujudnya keutuhan budaya dan ketinggian moral. Ini boleh dimanifestasikan melalui pencapaian sukan yang membanggakan. Beta mahu kecemerlangan sukan di negeri Selangor diteruskan dan perancangan, persediaan latihan dan program serta penganjuran pertandingan sukan peringkat negeri disusun dengan teliti. Pencapaian cemerlang kontinjen negeri Selangor adalah penguasaan Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) 2006 di Kedah. Kejayaan tersebut merupakan kejayaan selama enam tahun berturut-turut dan perlu dipertahankan.

Beta juga amat berharap agar kegemilangan skuad merah kuning dalam sukan bola sepak dapat dikembalikan. Semangat juang serta bermain untuk negeri tercinta perlu disemat dalam sanubari atlet-atlet negeri Selangor sebagaimana atlet sukan legenda Selangor dahulu yang bermain bukan untuk mengejar habuan semata-mata. Pihak pengurusan yang bertanggungjawab perlu mengembalikan kegemilangan bola sepak Selangor dengan mencari formula baru bagi mengatasi masalah yang membelenggu atlet kita sekian lama.

Beta juga difahamkan negeri Selangor turut menjadi tumpuan bagi program-program sukan tahunan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti Kejohanan Waja Diri Peringkat Negeri, Sukan Wanita Kebangsaan, *Le Tour de Langkawi*, Perlumbaan *Formula One Grand Prix* dan *MotoGP*, *International Jugra Paragliding Selangor Open 2007*, *Japan GT Championship*, *Selangor Annual Golf Championship* dan *World Asia Cup Paintball*, *Champion Youth Cup* yang telah diadakan sepanjang tahun 2007.

Dengan wawasan “Selangor Negeri Idaman Maju dan Sejahtera”, kemakmuran dan kesejahteraan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata’ala kepada negeri Selangor ini mestilah dinikmati bersama oleh seluruh lapisan rakyat negeri Selangor tanpa mengira usia, bangsa, agama dan fahaman politik.

Oleh itu, sebagai negeri yang maju di Malaysia, setiap pembangunan di negeri Selangor yang sedang dan akan dilaksanakan perlu mengambil kira aspek sosial dan kebajikan rakyat khususnya kepada kumpulan sasaran kebajikan seperti golongan kurang upaya, orang miskin, warga emas, ibu tunggal dan lain-lain lagi.

Platform yang sesuai perlu disediakan bagi kumpulan sasaran menyuarakan pandangan dan maklum balas mereka kepada pihak-pihak berwajib contohnya dengan memberi ruang kepada wakil-wakil orang kurang upaya (OKU) berada di dalam ahli majlis agar pembangunan negeri tidak meminggirkan mereka.

Kerajaan Negeri perlu mewujudkan Dasar Kebajikan Negeri Selangor yang jelas selain daripada dasar-dasar negeri yang sedia ada dan selari dengan Dasar Kebajikan Masyarakat Negara. Setiap aktiviti, program dan sumbangan kebajikan mestilah dilaksanakan mengikut perancangan yang teliti. Mekanisme penyaluran sebarang bentuk bantuan kebajikan mestilah telus, adil dan saksama.

Sebagai kerajaan yang prihatin tentang rakyat, kerajaan Beta harus terus berusaha memartabatkan golongan wanita dalam agenda pembangunan. Usaha-usaha Kerajaan Beta mengangkat isu-isu kritikal wanita dan keluarga seperti langkah mengkaji pemberian sembilan puluh (90) hari cuti bersalin dapat memberikan impak yang besar kepada institusi keluarga di negeri ini.

Selain itu, wanita juga harus diperkasakan dalam mengimbangi masalah yang dihadapi di pendalaman dan Bandar. Banyak kemahiran dan ilmu yang boleh diberikan kepada golongan pekerja wanita, ibu tunggal, pekerja ladang, wanita orang asli, warga emas dan suri rumah dalam bidang keusahawanan, kesihatan, motivasi, pembangunan jati diri, dan seni kraf bagi meningkatkan taraf ekonomi keluarga.

Dalam memperkasakan wanita, Beta juga mahu golongan wanita ini tahu dan faham hak-hak mereka dan keluarga dari sudut perundangan. Beta melihat usaha untuk mengadakan pusat sehenti wanita sebagai langkah yang mantap untuk memastikan kebajikan wanita yang teraniaya ini terbela.

Beta berbangga melihat lebih ramai wanita di dalam tampuk pemerintahan Beta. Ini membuktikan pencapaian lebih tiga puluh peratus (30%) wanita di dalam proses membuat keputusan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Beta dan mereka layak serta mampu diberikan amanah mentadbir negeri.

Beta dimaklumkan bahawa warga emas yang berumur enam puluh (60) tahun ke atas di negeri Selangor sebanyak lima persepuluh kosong peratus (5.0%) sahaja atau dua ratus tujuh puluh tiga ribu, lima ratus (273,500) orang sahaja. Beta mahu warga emas diberi tumpuan khusus dengan merangka program-program yang bersesuaian agar golongan ini terus memberikan sumbangan dalam memberi buah fikiran dan nasihat dalam meneruskan agenda pembangunan negeri maju.

Perkara yang amat merisaukan Beta ketika ini ialah masalah jenayah di Selangor yang menunjukkan peningkatan empat belas persepuluh sembilan peratus (14.9%) iaitu sebanyak enam puluh dua ribu, tiga ratus tujuh puluh lima (62,375) kes bagi tahun 2007 berbanding lima puluh empat ribu dua ratus tujuh puluh (54,270) kes pada tahun 2006. Ini bermakna peningkatan sebanyak lapan ribu seratus lima (8,105) kes atau empat belas persepuluh sembilan tiga peratus (14.93%). Kes-kes jenayah yang menjadi penyumbang utama kepada peningkatan kadar jenayah di Selangor ialah kes rogol, cabul kehormatan, samun berkawan senjata api, pemerasan, ugutan jenayah, merusuh, mencederakan, curi, curi kereta / motosikal, ragut dan pecah rumah .

Bagi membendung masalah jenayah di Selangor dari terus meningkat, Beta dimaklumkan pasukan polis telah dan akan melaksanakan beberapa strategi serta tindakan-tindakan, antaranya ialah :-

- i. Menjalankan operasi bersepadu melibatkan pelbagai unit dalam PDRM;
- ii. Menjalankan operasi khas bagi membanteras aktiviti pelacuran, judi, ekor haram dan aktiviti jenayah bersindiket;
- iii. Meningkatkan aktiviti '*community policing*';



- iv. Mengaktifkan program 'Rakan Cop';
- v. Meningkatkan kerjasama dengan MCPF;
- vi. Meningkatkan *police presence* di lokasi-lokasi strategik dan yang dikenal pasti sebagai *crime-prone area*; dan
- vii. Bekerjasama dengan pihak swasta dalam konteks pencegahan jenayah dan keperluan logistik.

Beta juga dimaklumkan sehingga kini terdapat tujuh puluh empat (74) buah balai polis dan enam puluh tiga (63) buah pondok polis di negeri Selangor. Bagi meningkatkan keselamatan dengan lebih berkesan, perancangan secara proaktif telah diambil dengan mewujudkan balai-balai polis baru iaitu empat puluh (40) buah balai polis di kawasan-kawasan taman perumahan secara berfasa. Kewujudan balai-balai polis *functional* ini akan memudahkan masyarakat mendampingi pihak polis dan sebaliknya. Ini pasti akan mewujudkan satu bentuk kerjasama yang lebih mesra dan harmoni di kalangan polis dan masyarakat.

Beta amat risau dengan keselamatan rakyat Beta yang tinggal di kawasan bandar dengan banyak kes-kes penculikan, ragut, pecah rumah dan pergaduhan. Beta mahukan program bandar selamat diberi tumpuan penting untuk meningkatkan kesejahteraan dan keselamatan rakyat di negeri Selangor. Beta amat berharap kawasan perbandaran di negeri Selangor selamat dihuni dan dikunjungi oleh pelancong dalam dan luar negara.

Beta juga amat bimbang dengan ancaman dadah yang masih lagi menjadi musuh utama di Malaysia. Alhamdulillah, statistik menunjukkan terdapat penurunan bagi jumlah penagih baru yang dikesan di Selangor pada tahun 2007 berbanding tahun sebelumnya. Penagih baru yang ditangkap pada tahun 2007 adalah seramai enam ratus dua puluh enam (626) orang berbanding tahun sebelumnya seramai sembilan ratus dua puluh enam (926) orang. Begitu juga dengan jumlah penagih berulang yang dikesan pada tahun 2007 menurun kepada lima ratus tiga puluh empat (534) orang berbanding sembilan ratus sepuluh (910) orang tahun sebelumnya.

Beta juga berharap usaha berterusan dilakukan bagi membanteras penglibatan belia dalam najis dadah yang mengancam masa depan negara. Pelbagai program perlu dirancang dan dilaksanakan dengan penuh ikhlas dan mengurangkan bilangan penagihan semula. Program Belia Benci Dadah yang dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Belia Selangor, Jabatan Pelajaran Negeri Selangor dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) perlu diteruskan dan Beta ingin memastikan belia di Negeri Beta bebas daripada dadah pada tahun 2010.

Kerajaan Beta telah bekerja keras dalam menangani masalah penyalahgunaan dadah di mana PDRM bersama agensi lain mengambil pendekatan untuk menyekat bekalan dadah di samping berusaha memulihkan mereka yang terjebak dengan penagihan. Beta juga menyeru kerjasama daripada JKKK kampung, Jawatankuasa Penduduk, Organisasi Bukan Kerajaan (NGO), ahli keluarga dan masyarakat bagi membantu bekas penagih dadah dengan menerima mereka semula ke pangkuan masyarakat .

Adalah menjadi harapan Beta supaya rakyat Beta mempunyai kediaman sendiri bagi setiap keluarga. Beta faham dengan keadaan kos sara hidup yang semakin tinggi di negeri Beta adalah menjadi kesukaran kepada rakyat Beta untuk memiliki rumah terutama golongan berpendapatan rendah dan pasangan muda yang baru berkahwin. Kerajaan Beta akan merancang dan melaksanakan program tertentu bagi membantu rakyat Beta untuk memiliki kediaman sendiri menerusi dasar Perumahan untuk semua.

Beta amat gembira bila diberi maklum Kerajaan Beta sedang terus berusaha untuk menyelesaikan masalah setinggan di negeri Beta. Walaupun masih terdapat penempatan setinggan di negeri Beta, tetapi Beta yakin Kerajaan Beta berupaya menyediakan kediaman yang lebih selesa untuk mereka. Beta pasti dengan adanya kediaman baru yang selesa dan dilengkapi dengan kemudahan asas yang sempurna, rakyat Beta dapat menikmati kehidupan baru yang lebih baik. Adalah menjadi harapan Beta supaya negeri Beta dapat menyediakan kemudahan perumahan selesa dan sempurna untuk semua dan rakyat Beta dapat menikmati kualiti hidup yang jauh lebih baik.

Kerajaan Beta meletakkan harapan yang tinggi kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) selaku jentera pelaksana utama bagi melaksanakan dasar dan polisi pembangunan khususnya untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan. Kebanyakan rakyat Beta tinggal di kawasan bandar-bandar dan PBT merupakan agensi yang paling dekat dengan rakyat dan peka terhadap aduan serta keperluan rakyat. Pihak pengurusan PBT hendaklah sentiasa turun padang bagi memantau keadaan setempat khususnya terhadap mutu perkhidmatan yang disediakan.

Antara sebab cukai taksiran tidak dapat diturunkan pada tahun ini ialah kerana perbelanjaan PBT kini terlalu tinggi sebelum ini. Kerajaan Negeri dalam usaha mencari jalan mengurangkan perbelanjaan tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan PBT. Kajian menyeluruh akan dilakukan bagi melihat perbelanjaan-perbelanjaan PBT yang tidak memperoleh nilai yang sewajarnya. Sekiranya Kerajaan Negeri berjaya mengurangkan perbelanjaan PBT, Beta berharap penjimatan ini dapat dipulangkan kepada rakyat menerusi cukai taksiran yang lebih rendah.

Dalam hal ini, Beta berharap PBT hendaklah memberi tumpuan kepada tanggungjawab asasnya iaitu dengan menyediakan kemudahan jalan dan longkang yang sempurna, perbandaran yang bersih dan indah, pengurusan sampah yang cekap, pemotongan rumput dijalankan secara berjadual serta lampu-lampu jalan yang sentiasa berfungsi. PBT perlulah pantas mengambil tindakan terhadap aduan-aduan yang diterima dan sentiasa bersikap inovatif dan proaktif dalam melaksanakan sebarang perubahan dan penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatannya.

Selaras dengan usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat, isu tempat pelupusan sampah menjadi isu yang hangat diperkatakan dan perlu diselesaikan. Kerajaan Beta akan terus memantau usaha-usaha meningkatkan kualiti pelupusan sisa pepejal di negeri Selangor. Beta difahamkan satu tapak pelupusan sampah yang baru iaitu Jeram '*Sanitary Landfill*' telah siap untuk menampung pembuangan sisa pepejal yang meningkat setiap tahun.

Sementara itu, Beta mahu masalah pembuangan sisa-sisa pelupusan bahan binaan, *bulky waste* dan *garden waste* yang selama ini dibuang secara haram di tepi-tepi jalan dan sungai dapat diselesaikan. Dua (2) buah tapak *innert landfill* iaitu di Dengkil, Sepang dan Kuang, Gombak perlu beroperasi sebaik mungkin. Kerajaan Beta perlu mencari alternatif bagi mencari penyelesaian jangka panjang. Beta berharap alternatif penyelesaian masalah sampah seperti program *waste to wealth* iaitu sisa sampah sayuran/buah-buahan dan sisa kebun (*green waste*) akan diproses menjadikan baja kompos dapat dilaksanakan secara berkesan. Di samping dapat mengurangkan *tipping fees* oleh PBT, ia merupakan penyelesaian masalah pelupusan sampah yang bijak. Beta juga berharap program kitar semula dan program rehabilitasi tapak pelupusan akan diusahakan dengan lebih sempurna.

Beta amat bimbang dengan tersebarinya pelbagai bentuk ajaran sesat di Selangor. Walau bagaimanapun, Beta dimaklumkan perkembangan ajaran sesat di Selangor adalah terkawal. Kerajaan Beta telah bekerja keras untuk mengawal penyebaran ajaran sesat. Bagi mengawal ajaran sesat berleluasa, Kerajaan Beta telah menetapkan agar sesiapa yang ingin berceramah di masjid atau di surau perlu mendapat tauliah daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Setakat ini, JAIS telah mengeluarkan sebanyak lapan ratus lapan puluh enam (886) kad tauliah kepada mereka yang berkecukupan. Mereka ini terdiri daripada golongan profesional, guru-guru dan pendakwah-pendakwah bebas yang telah melepasi prosedur permohonan tauliah tersebut.

Selain itu, Beta mahu penguatkuasaan yang berterusan dan tegas perlu dilakukan oleh pelbagai pihak yang terlibat secara langsung dalam membanteras ajaran sesat dan memelihara pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Di kesempatan ini juga Beta sekali lagi ingin menasihatkan rakyat Beta supaya meningkatkan ilmu agama daripada sumber-sumber yang muktabar khususnya dari guru-guru agama yang telah dilantik oleh Kerajaan Beta.

Peranan Jawatankuasa Kemajuan Kampung, Rukun Tetangga, NGO dan rakyat perlu dipertingkatkan. Rakyat perlulah sensitif serta prihatin dengan apa jua bentuk ajaran sesat yang berlaku di kawasan masing-masing. Beta percaya, sekiranya semua pihak memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dengan ikhlas, maka masalah ajaran sesat dapat dibanteras dengan jayanya di negeri Selangor dan rakyat Beta akan hidup aman dan makmur serta selamat di dunia dan di akhirat.

Bagi meningkatkan syiar agama, Kerajaan Beta akan meningkatkan infrastruktur, fungsi dan peranan masjid serta surau dalam masyarakat. Sehingga ini negeri Selangor mempunyai tiga ratus lima puluh sembilan (359) buah masjid dan seribu lapan ratus (1,800) buah surau bagi memenuhi keperluan semasa. Sebahagian surau di negeri Selangor juga telah diberi kebenaran untuk menunaikan solat Jumaat disebabkan kepadatan penduduk yang tinggi. Selain itu, Beta mahu surau-surau yang akan dibina dikaji dengan teliti terlebih dahulu bagi memastikan masjid diimarahkan dan tidak berlaku kejadian masjid besar tetapi tiada jemaah.

Justeru itu, Beta mahu pelbagai aktiviti dirancang dan dilaksanakan dengan menyediakan program-program mengimarahkan masjid seperti menyediakan kelas-kelas agama dan ceramah agama bagi menarik lebih ramai jemaah hadir ke masjid-masjid berhampiran. Golongan belia juga perlu diberi perhatian khusus untuk menarik minat ke masjid dan surau melalui program-program tertentu dan bersesuaian.

Di kesempatan ini juga, Beta ingin berpesan supaya masjid dan surau tidak dijadikan tempat berpolitik dan Beta akan mengambil tindakan tegas sekiranya perkara ini berlaku di negeri Beta. Beta mahu masjid dan surau dijadikan institusi bebas, tempat rujukan ilmu, membuat ibadah dan seterusnya menyatukan umat Islam di negeri ini. Perbalahan haruslah dielakkan kerana ia hanya akan merugikan umat Islam sendiri.

Kebudayaan masyarakat Selangor haruslah menekankan budaya berbilang bangsa dan agama yang bersifat tradisional dan moden. Warisan kita ini perlu dikekalkan dan dipupuk untuk melahirkan jati diri rakyat yang positif dan progresif.

Aktiviti kebudayaan haruslah membentuk sikap menghargai budaya yang berbilang, sejarah, memupuk ilmu di samping yang berbentuk hiburan. Beta melihat wadah kebudayaan negeri sebagai jambatan untuk mengukuhkan perpaduan di kalangan rakyat yang berbilang kaum dan agama. Ini akan meletakkan tafsiran segar terhadap kebudayaan yang membendung gejala negatif akibat kesan globalisasi.

Memperkasakan Sistem Penyampaian (*Delivery System*) adalah salah satu langkah yang di ambil oleh kerajaan Beta bagi memastikan perkhidmatan awam yang berwibawa dan sentiasa relevan. Oleh itu semua kakitangan awam Beta hendaklah bersedia sepenuhnya di dalam pelaksanaan dan penggunaan medium kerajaan elektronik (*e-government*).

Beta berharap perkhidmatan awam di negeri Selangor meneruskan kecekapan, efektif, dinamik dan proaktif dengan memiliki *standard* yang tinggi. Perkhidmatan awam Kerajaan Beta disarankan agar turut melakukan proses penambahbaikan bagi mencipta lonjakan nilai demi untuk faedah rakyat Beta. Setiap penjawat awam mesti perlu mampu menguasai pelbagai kemahiran dalam satu-satu masa dan sentiasa mempelajari sesuatu yang baru bagi meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan produktiviti. Beta juga difahamkan pentadbiran Kerajaan Negeri hari ini sedang melaksanakan peraturan bekerja 5 hari seminggu tetapi sedang mengkaji cadangan untuk membuka perkhidmatan kaunter yang diperlukan untuk rakyat 7 hari seminggu.

Di kesempatan ini juga Beta ingin menasihati sekali lagi kepada semua penjawat awam supaya sentiasa bersifat jujur, amanah, ikhlas serta menjauhi amalan rasuah semasa menjalankan tugas. Beta berharap jangan sekali-kali berlaku penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan penindasan semata-mata mengejar nama dan pangkat yang akan melemahkan sistem pentadbiran Kerajaan Beta. Penjawat awam Beta perlu bersikap profesional, bijak dan menggunakan *common sense* dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat Beta tanpa mengira kedudukan, kaum, bangsa dan agama. Beta mahu maruah dan integriti institusi kerajaan sentiasa di tahap yang cemerlang dalam meningkatkan kepercayaan rakyat.

Sebelum Beta mengakhiri ucapan Beta, sukacita Beta merakamkan ucapan terima kasih kepada semua penjawat awam termasuk angkatan tentera dan polis yang telah berusaha siang malam bagi menjamin keselamatan rakyat dan negeri yang dikasihi. Ucapan Selamat Maju Jaya Beta tujukan kepada Memanda Beta, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim, peneraju baru Kerajaan Beta serta semua Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri yang baru untuk terus berjuang membangunkan serta mempertahankan status Selangor Negeri Maju dalam memacu pembangunan negeri. Sebagai Raja Pemerintah Negeri, Beta tetap memberi titah nasihat kepada Memanda

Beta Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar semoga bertugas dengan lebih tekun, gigih dan terus berhati-hati bukan sahaja berjaya mempertahankan negeri Selangor sebagai negeri termaju di Malaysia tetapi sentiasa ke hadapan sepanjang masa.

Beta juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada Penghulu, Ketua Kampung dan JKKK Kampung yang dilantik Kerajaan Negeri di atas peranan yang dimainkan untuk memelihara keselamatan, kesejahteraan dan keamanan negeri dan negara.

Akhirnya, Beta berdoa semoga negeri Selangor dan seluruh rakyat Beta terus mendapat perlindungan dari Allah dan sentiasa berusaha untuk menjamin keamanan dan kemakmuran yang dapat diwarisi kepada anak-anak kita pada masa akan datang.

**“Ahli-ahli Yang Berhormat, Beta mengucapkan Selamat Bersidang”.**

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

#### **IV. PENANGGUHAN**

**TUAN SPEAKER** : Demikian tadi Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Patik bagi pihak Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Selangor sekalian menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Dengan ini saya menangguhkan Dewan ini sehingga hari Khamis 22 Mei, 2008, jam 10.00 pagi.

#### **V. BACAAN DOA SELAMAT OLEH SAHIBUS SAMAHAH DATO' SERI UTAMA DIRAJA MUFTI NEGERI SELANGOR**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Dengan hormatnya dijemput Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor untuk membaca doa.

(Bacaan doa selamat oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri Selangor)

**SETIAUSAHA DEWAN** : Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor meninggalkan Dewan Mesyuarat.

Dengan segala hormatnya dijemput semua hadirin dan dif-dif jemputan sekalian untuk ke jamuan ringan yang disediakan di Dewan Jamuan, Bangunan Annex, Bangunan Dewan Undangan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**Dewan ditangguhkan pada jam 11.28 pagi**